

# Kandungan

<b>Latihan</b>	<b>Muka Surat</b>
Latihan Peperiksaan 1 .....	1
Latihan Peperiksaan 2 .....	13
Latihan Peperiksaan 3 .....	25
Latihan Peperiksaan 4 .....	37
Latihan Peperiksaan 5 .....	49
Latihan Peperiksaan 6 .....	61
Latihan Peperiksaan 7 .....	73
Latihan Peperiksaan 8 .....	85
Latihan Peperiksaan 9 .....	97
Latihan Peperiksaan 10.....	109
Skema Jawapan.....	121

# Latihan Peperiksaan 1

## Kertas 1


**ARAHAN:** *Jawab dua soalan; satu daripada Bahagian A dan satu lagi daripada Bahagian B.*

### Bahagian A

(20 markah)

**ARAHAN:** *Tulis komen yang panjangnya tidak kurang daripada 100 patah perkataan berdasarkan satu daripada soalan-soalan yang berikut.*

1. Kamu baru sahaja menerima e-mel daripada seorang rakan. Baca e-mel itu dan berikan respons kamu terhadap perkara-perkara yang terkandung dalam e-mel tersebut.



(lihat halaman sebelah)

**ARAHAN:** *Baca petikan-petikan yang berikut dengan teliti.*

## **PETIKAN 1**

### **FESYEN LEBARAN**

**Oleh Ira Musfirah M Rashid**

Umumnya ramai wanita meminati fabrik sutera yang sememangnya terkenal dengan kelembutannya dan tekstur yang licin. Ini ditambah pula dengan coraknya yang moden, sudah pasti memukau sesiapa yang memandangnya. Hal ini akan membuat wanita tersebut kelihatan anggun dan menawan.

Berdasarkan fakta inilah Butik Silk Studio yang terkenal dengan fesyen Muslimahnya melancarkan koleksi pakaian yang mendapat sentuhan baharu pada musim raya. Berilhamkan budaya Yunani dan Pakistan, pereka muda berbakat Zhi Yang telah menggabungkan dua elemen tersebut dalam satu rekaannya. Setiap tahun, beliau menghasilkan koleksi Hari Raya idaman ramai.

Menurut Zhi Yang, rekaannya memerlukan penelitian dan kajian yang rapi. Zhi Yang memerhatikan bahawa perincian perhiasan yang halus serta warna yang bertenaga sering menjadi nadi pakaian wanita Pakistan. Ini disesuaikan dengan warna yang cukup kaya seperti *fuchsia, emas mustard dan biru royal*, koleksi ini amat mempesonakan. Sehubungan dengan itu, ciptaannya menggabungkan elemen utama budaya Yunani termasuk siluet yang santai dan elegan bak Dewi Yunani.

Kemahiran teknik menirai atau *draping* diserlahkan lagi dalam busana tersebut melalui tirai lembut dan unsur kewanitaan demi mencapai hasil yang halus lagi canggih.

Siluet kewanitaan lengkap dengan ropolan dan manik-manik akan memberikan sentuhan jelita pada si pemakai. Dengan keserlahan yang terpancar sudah tentu pakaian ini sesuai untuk digunakan bagi majlis keramaian.

Bakat pereka muda Zhi Yang ternyata tidak perlu dipersoalkan lagi. Mengapa tidaknya, beliau telah mereka lapan pasang baju bagi koleksi Hari Raya dalam masa dua minggu sahaja. Tidak sukar baginya untuk melakarkan sesuatu buat kaum Muslimah.

“Saya hanya perlu berfikir daripada sudut seorang Melayu dan seorang Muslimah,” ujarnya.

Busana yang dinyatakan di atas ini boleh didapati di butik-butik eksklusif Silk Studio di kawasan Bussorah Street.

**(lihat halaman sebelah)**

**ARAHAN:** Berdasarkan petikan karangan di halaman 8, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di ruangan yang disediakan.

---

19. Jimat Travel & Tours Pte Ltd menawarkan pakej unik lagi istimewa khusus bagi \_\_\_\_\_.
- (A) peminat *backpacker*
  - (B) mereka yang mempunyai bajet terhad
  - (C) pasangan yang telah mendirikan rumah tangga
  - (D) peniaga melawat ke kilang dan tempat untuk memborong
- [     ]
20. Pelancong Islam tidak perlu kkuatir apabila melancong dengan Jimat Travel & Tours Pte Ltd sebab\_\_\_\_\_.
- (A) harga yang mereka tawarkan berpatutan
  - (B) pihak agensi menguruskan visa pelanggan
  - (C) mereka memastikan makanan halal disediakan buat pelanggan
  - (D) pakej mereka termasuk penerbangan, pengangkutan dan penginapan[     ]

(lihat halaman sebelah)

2. Baca maklumat yang berikut. Berdasarkan butiran yang diberikan, tuliskan e-mel yang sesuai.

Apabila kamu berjalan di kolong blok kamu, kamu mendapati banyak sampah yang dibuang di tepi peti surat. Perbuatan ini boleh mengundang pelbagai masalah dan merosakkan imej estet perumahan kamu.

Tulis e-mel aduan kepada majlis bandaraya untuk memberitahu mereka hal ini dan sarankan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasinya.

Kamu dikehendaki menggunakan alamat e-mel yang berikut:

Alamat pengirim: akmal\_ali@gmail.com atau akilah\_ali@gmail.com

Alamat penerima: pegawai\_perkhidmatan\_pelanggan@bptc.sg

## Bahagian B

(40 markah)

**ARAHAN:** *Tulis sebuah karangan dengan menggunakan sekurang-kurangnya 180 patah perkataan mengenai **satu** daripada tajuk-tajuk yang berikut.*

---

3. Kamu telah mengunjungi sebuah pusat membeli-belah bersama dengan rakan kamu. Gambarkan pengalaman kamu ketika berada di sana.
4. Kebaikan aktiviti bersukan bagi pelajar. Huraikan.
5. Tulis sebuah karangan yang mengisahkan seseorang yang meraih kejayaan setelah mengalami kegagalan pada awalnya.

**SELESAI**

**Bahagian A****SOALAN A1****(10 Markah)**

**ARAHAN:** Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan. Tulis jawapan kamu di ruangan yang disediakan.

---

Kipas tangan mempunyai nilai estetika yang tersendiri. Kipas tangan merupakan cara yang paling mudah untuk (1) sejuk badan ketika berhadapan dengan cuaca panas. Malah di Sepanyol, kipas tangan (2) punya tradisi unik yang terus kekal hingga ke hari ini.

Menurut seorang (3) buat kipas tangan tradisional di sana, kipas tangan sering digunakan sebagai isyarat untuk menunjukkan sesuatu tanpa mengeluarkan kata-kata. Isyarat daripada kipas ini lebih ketara (4) kira pemiliknya ialah seorang wanita. Kipas tangan berfungsi sebagai alat penyampai yang berkesan kepada si teruna untuk mengetahui sama ada wanita tersebut sudah mempunyai ataupun belum. Dengan itu dia akan (5) hindar daripada perbuatan yang tidak elok.

1. \_\_\_\_\_

2. \_\_\_\_\_

3. \_\_\_\_\_

4. \_\_\_\_\_

5. \_\_\_\_\_

**(lihat halaman sebelah)**